

22 FEB 2001

PAS-Pertemuan

PAS MASIH MAHU UMNO PENUHI TUNTUTANNYA SEBELUM BERBINCANG

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- PAS masih berpegang kepada keputusan awalnya untuk meneruskan pertemuan dengan Umno bagi membincangkan perpaduan orang Melayu apabila tiga tuntutannya dipenuhi terlebih dahulu, kata presidennya Datuk Fadzil Noor.

Katanya, beliau akan mengarahkan jawatankuasa teknikal parti itu untuk mendapatkan penjelasan daripada jawatankuasa teknikal Umno dan menyelesaikan beberapa perkara berbangkit yang masih belum diselesaikan.

Ketika dihubungi di Kuala Krai, Kelantan malam ini, Fadzil berkata, tidak ada sebab bagi Umno untuk tidak memenuhi tuntutannya kerana ia bukan melibatkan dasar, polisi atau undang-undang.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno hari ini bahawa parti itu masih bersedia mengadakan pertemuan dengan Pas mengenai perpaduan orang Melayu tetapi tidak dapat memenuhi syarat-syarat terbaru Pas.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata Umno bersedia berbincang tentang apa sahaja isu dengan Pas asalkan parti itu tidak meletakkan sebarang syarat.

Katanya, Umno tidak dapat memenuhi syarat-syarat Pas seperti pemberian balik wang royalti (kepada Terengganu) dan penerbitan Harakah sebanyak lapan kali sebulan kerana ia bukan dalam bidang kuasa Umno, walaupun Umno boleh merujuk kepada kerajaan.

Minggu lepas, Fadzil Noor mengumumkan penangguhan pertemuan yang dicadangkan pada Isnin lalu dan mahu Umno memenuhi tiga syarat sebelum pertemuan itu diadakan.

Mengulas keputusan MT itu, Fadzil berkata, beliau tidak dapat menerima kenyataan bahawa Umno tidak dapat memenuhi tuntutan PAS kerana ia bukan kerajaan.

"Presiden Umno merupakan Perdana Menteri, ini bermakna Umno adalah kerajaan dan kerajaan adalah Umno. Bukan susah, Perdana Menteri hanya perlu arahkan menteri untuk penuhi syarat-syarat PAS," tambah beliau.

Fadzil juga berkata bahawa beliau yakin Dr Mahathir serius untuk membincangkan perpaduan Melayu dan mendakwa MT cuba menggagalkan hasrat pertemuan itu.

-- BERNAMA

MAN AR ZB